


1. Jalan-jalan raya di Kuala Lumpur amat sesak dengan kenderaan terutamanya ketika _____.



- ☐ A tarikh akhir
- ☐ B masa muda
- ☐ C waktu puncak
- ☐ D tempoh matang

2. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



"Kain songket yang berwarna _____ itu sungguh cantik," kata Anisya.

- ☐ A pucat lesi
- ☐ B hijau daun
- ☐ C hitam manis
- ☐ D merah jambu

3. Selaku pengarah urusan di syarikatnya, Encik Viothan sentiasa _____ aktiviti para pekerjaanya di pejabat.

- ☐ A menunjuk cara
- ☐ B menyusun atur
- ☐ C mengemas kini
- ☐ D mengawal selia

4. Penerapan soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam peperiksaan dapat meningkatkan _____ seseorang murid.

- ☐ A daya fikir
- ☐ B daya saing
- ☐ C daya upaya
- ☐ D tanda ingatan

5. Sebagai _____ Malaysia yang bertanggungjawab dan telah mencapai had umur yang ditetapkan, kita perlu menunaikan kewajipan dengan mengundi semasa Pilihan Raya Umum diadakan.

- ☐ A kakitangan
- ☐ B suruhanjaya
- ☐ C pesuruhjaya
- ☐ D warganegara

6. "Kamu haruslah menjaga _____ semasa berada di rumah orang," pesan emak kepada kakak.

- ☐ A sopan santun
- ☐ B adat istiadat
- ☐ C tingkah laku
- ☐ D budi bicara

7. Banyak murid yang membawa _____ ke sekolah walaupun perbuatan itu salah d _____ gi peraturan sekolah.

- ☐ A meja tulis
- ☐ B jam tangan
- ☐ C buku cerita
- ☐ D telefon bimbit

8. Muka pelancong itu _____ kerana sehari suntuk berjemur di pantai.

- ☐ A merah padam
- ☐ B hitam manis
- ☐ C pucat lesi
- ☐ D biru laut

9. Kamu hendaklah menjalankan _____ ini di makmal sains di bawah pengawasan guru Sains.

- ☐ A uji kaji
- ☐ B uji bakat
- ☐ C temu bual
- ☐ D soal selidik

10. Harlina diminta oleh pensyarahnya untuk menyediakan borang _____ tentang tahap penerimaan pelajar terhadap sistem meritokrasi.

- ☐ A soal balas
- ☐ B soal jawab
- ☐ C soal slasat
- ☐ D soal selidik

11. Perdana Menteri mengadakan _____ untuk menjelaskan hasil perbincangannya dengan Perdana Menteri Singapura.

- ☐ A sidang pengarang
- ☐ B sidang kemuncak
- ☐ C sidang pembaca
- ☐ D sidang akhbar

12. Suraya dan keluarganya amat _____ kepada penduduk kampung yang menghulurkan bantuan kepada mereka.

- ☐ A bertitik tolak
- ☐ B berjiwa besar
- ☐ C bertolak ansur
- ☐ D berterima kasih

13. Kebanyakan peniaga di pasar basah itu didenda kerana tidak meletakkan _____ pada barang jualan mereka.

- ☐ A tanda hati
- ☐ B tanda tanya
- ☐ C tanda harga
- ☐ D mercu tanda

14. Murid-murid yang ingin menyertai pasukan ragbi sekolah mestilah _____ dan mempunyai semangat kerjasama yang tinggi.

- ☐ A tahan lama
- ☐ B tahan lasak
- ☐ C hitam manis
- ☐ D gagah berani

15. Kita hendaklah mengikut _____ yang diberikan oleh guru sekiranya ingin memperoleh kejayaan dalam hidup.

- ☐ A uji kaji
- ☐ B latih tubi
- ☐ C tunjuk ajar
- ☐ D garis panduan

16. Beberapa orang ahli _____ yakin bahawa masih ada harta karun yang terpendam di dasar Selat Melaka.

- ☐ A kaji selidik
- ☐ B kaji hayat
- ☐ C kaji bumi
- ☐ D uji kaji

17. Kebanyakan orang Asia berkulit _____ berbeza dengan orang Eropah yang berkulit putih kemerah-merahan.

- ☐ A putih mata
- ☐ B merah hati
- ☐ C putih tulang
- ☐ D sawo matang

18. Projek penternakan _____ itu dilakukan di dalam kolam dan mendapat kerjasama daripada kerajaan negeri.

- ☐ A kambing boer
- ☐ B burung puyuh
- ☐ C udang harimau
- ☐ D ayam kampung

19. "Kalian mesti hadir dalam majlis _____ dengan pengetua malam ini," kata warden asrama kepada murid-murid baharu itu.

- ☐ A soal jawab
- ☐ B suai kenal
- ☐ C temu bual
- ☐ D janji temu

20. "Saya amat mengharapkan _____ daripada _____ yang lebih berpengalaman," kata pekerja baharu itu kepada kami.

- ☐ A tunjuk ajar ... kakitangan
- ☐ B ramah mesra ... setiausaha
- ☐ C gerak kerja ... jawatankuasa
- ☐ D garis panduan ... pesuruhjaya